

Media Title : Harian Metro  
Headline : Lesap RM327,600 diperdaya 'polis'  
Date : 13 May 2026  
Section : Lokal  
Page : 8



# Lesap RM327,600 diperdaya 'polis'

**Kuantan:** Seorang wanita warga emas kerugian RM327,600 selepas diperdaya sindiket penipuan panggilan telefon yang menyamar sebagai polis.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman berkata, mangsa berusia 76 tahun itu menerima panggilan telefon daripada individu yang menyamar sebagai polis dari Sarawak dan mendakwa nombor kad pengenalan mangsa digunakan bagi tujuan penipuan serta akaun banknya sedang diasiat.

"Suspek turut mengarahkan mangsa supaya tidak memaklumkan perkara itu kepada ahli keluarga atau orang terdekat. Mangsa juga diarahkan membuat pindahan wang kononnya bagi tujuan siasatan polis untuk membuktikan dirinya tidak bersalah dan wang itu akan dipulangkan selepas siasatan selesai," katanya dalam kenyataan, semalam.

Yahaya berkata, mangsa

membuat 42 transaksi menggunakan wang simpanan dan pinjaman daripada syarikat pinjaman wang ke dalam tujuh akaun berbeza bermula dari 28 Mei tahun lalu hingga 25 Mac lalu membabitkan jumlah keseluruhan sebanyak RM327,600.

Selain itu, beliau berkata, suspek juga mengarahkan wanita berkenaan untuk mencagarkan dua geran tanah kepada sebuah syarikat pinjaman wang.

"Mangsa hanya menyedari ditipu selepas anaknya meminta geran tanah berkenaan untuk urusan pembahagian harta pusaka susulan kematian suami mangsa kerana tanah itu masih didaftarkan atas nama mendiang," katanya.

Sehubungan itu, Yahaya menasihatkan orang ramai supaya sentiasa berwaspada terhadap panggilan telefon daripada individu yang menyamar sebagai penguat kuasa atau agensi kerajaan dan tidak membuat pindahan wang ke akaun yang tidak dikenali.